



TERKINI : Pembantu Kedai Keranda Mengaku Tidak Bersalah Miliki Bom Tangan - Selasa, 07  
 0.13 Chg: -0.005 Vol:203491 UTOPIA (0140) Last: 0.085 Chg: 0.005 Vol:164276 TDEX (0132) Last: 0.175 Chg:


UTAMA BERITA RADIO BERITA UTAMA NASIONAL HIBURAN EKONOMI DUNIA SUKAN VOD BERITA ARKIB

HUBUNGI KAMI

### Penjawat Awam Berperanan Penting Jayakan Agenda Transformasi

Created On Selasa, 07 Januari 2014 16:22 Published Date Category: Utama Hits: 97

Like 12 Tweet 2



Putrajaya - Penjawat awam diminta agar sentiasa melakukan penambahbaikan dalam perancangan, pelaksanaan dasar dan prosedur kerja untuk meraih kepercayaan dan keyakinan rakyat.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa berkata ia antara faktor penting yang perlu diberi perhatian oleh setiap penjawat awam dalam menjayakan agenda transformasi negara.

"Setiap penjawat awam telah diberi tanggungjawab dan kepercayaan untuk menjadi perintis dan ejen perubahan bagi memajukan negara ini.

"Perkhidmatan awam kini terdedah kepada penelitian kritikal orang awam, apatah lagi bila berhadapan dengan persepsi bahawa masih berlaku kerenah birokrasi, ketidakcekapan, prestasi di bawah tahap, ketidaktelusan dan kurangnya akauntabiliti," katanya pada majlis penganugerahan Diploma Pengurusan Awam (DPA) Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) 2013 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di Putrajaya.

Seramai 735 orang menerima DPA selepas menjalani pengajian di Kampus Utama Intan di Bukit Kiara, Kuala Lumpur, Kampus Intan Wilayah Selatan di Kluang, Johor dan di Kampus Intas Wilayah Timur di Kemaman, Terengganu.

Ali berkata penjawat awam berperanan penting dalam mengubah tanggapan negatif sesetengah anggota masyarakat terhadap perkhidmatan awam dengan menunaikan janji kerajaan kepada rakyat menerusi pemberian perkhidmatan yang cepat, tepat dan berintegriti.

< Prev

Next >

### Lagi Berita Utama

TPM - Sasterawan Berperanan Bangunkan Negara Menerusi Penulisan (6)

2014-01-08 09:42:56

Selanjutnya...

Lindungi Mata Ketika Lihat Fenomena "Tompok Matahari" (67)

2014-01-08 09:23:12

Selanjutnya...

Kebanyakan Harga Barang Basah Dan Kering Mematuhi Harga Siling - KPDNKK (15)

2014-01-07 22:08:54

Selanjutnya...

Tanah Runtuh: Laluan Dari Parlimen Ke PWTC Ditutup (25)

2014-01-07 22:06:25

Selanjutnya...

Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora Mulai Jumaat (23)

2014-01-07 18:05:12

Selanjutnya...

Penjawat Awam Berperanan Penting Jayakan Agenda Transformasi (98)

2014-01-07 16:22:46

Selanjutnya...

TPM - Semua Restoran Makanan Segera Tidak Dibener Menggaji Pekerja Asing (197)

2014-01-07 14:45:22

Selanjutnya...

KLIA2 Dijangka Dapat CCC Pada Akhir Bulan (89)

2014-01-07 14:38:08

Selanjutnya...

GST Bakal Menyumbang Pertambahan 0.3 Peratus Kepada KDNK (89)

2014-01-07 00:07:27

Selanjutnya...

100 Tenaga Pengajar Dari AS Bantu Pembelajaran Bahasa Inggeris Di Enam Negeri (52)

2014-01-07 00:01:13

Selanjutnya...

### Popular

Dunia Taufan Haiyan Mula Badai Filipina	Nasional	Ekonomi KPF Lulus Rancangan Jual 51 Peratus	Hiburan Pelakon Noreen Noor Meninggal Dunia	Sukan Keputusan Liga Juara-Juara Eropah	PRK Sg Limau
--	----------	--	--	--	--------------